

# UMS bakal jalin k-sama dengan universiti terkemuka China

NST 2.3.2018 2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal mengadakan kerjasama dengan Shanghai Jiao Tong University (SJTU) sebuah universiti terkemuka di China yang menduduki ranking ke-62 dunia berdasarkan QS World Ranking.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata, kerjasama itu dijangka merangkumi aspek penyelidikan dalam bidang bahan binaan baru serta Pusat Kecemerlangan dalam bidang Hospitaliti dan Pelancongan.

"Pelbagai perkara telah kita bincangkan termasuk beberapa rancangan berimpak tinggi yang dilihat mampu menyumbang kepada perkembangan industri bahan binaan

tempatan selain menyemarakkan lagi sektor pelancongan di negara ini khususnya di negeri Sabah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menerima kunjungan hormat daripada rombongan SJTU yang diketuai oleh Chief Economist Dean of the Overseas Education College, Prof. Dr. Liu Muqun.

Menurut Dr. D Kamarudin, SJTU yang juga merupakan universiti di kedudukan ke-4 berdasarkan QS Brics University Ranking in China turut membawa bersama sebuah syarikat yang telah terbukti pencapaianannya untuk sama-sama mengadakan kerjasama dengan UMS dalam penyelidikan berkaitan den-

gan bahan binaan baru.

"Syarikat tersebut iaitu China National Building Material (CNBM) merupakan sebuah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang disenaraikan sebagai syarikat nombor satu dalam bidang bahan binaan baru di China," jelasnya.

Beliau turut merakamkan setinggi penghargaan kepada dua alumni UMS yang telah menginisiatifkan kerjasama tersebut.

"Saya ingin mengucapkan rasa terima kasih kepada Samuddin Yusop atas usaha melalui syarikatnya Mala Mega Sdn Bhd bersama rakan strategik beliau yang juga merupakan alumni UMS dari Beijing, Feng Guo Zhang kerana menjadi pencetus kepada kerjasama yang bakal terjalin ini."

"Sesungguhnya ini saya boleh katakan wajar diteладani oleh alumni UMS yang lain untuk menyumbang kembali kepada alma mater," tambah Dr. D Kamarudin.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Dr. Shahril Yusof dan Pengarah Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global, Prof. Dr. Ho Chong Mun.